

Headline	Bayar nilai hutan yang hilang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	9	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	360 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,115
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,345



Bayar nilai hutan yang hilang

PENILAIAN impak alam sekitar (EIA) kepada sesuatu kawasan yang ingin dibangunkan bagi maksud perladangan, lebuh raya mahupun infrastruktur perlu dilihat semula dalam perspektif menyeluruh.

Ini kerana menurut Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod** spesies flora yang endemik dan terancam perlu direkodkan bagi memastikan kelangsungannya.

“Janganlah diulangi lagi tragedi kehilangan meranti damar hitam yang kali terakhir direkodkan di Malaysia pada tahun 1968,” ujarnya.

FRIM katanya, sebagai institusi penyelidikan perhutanan tropika yang sentiasa menjadi tumpuan, akan terus bekerjasama dengan agensi lain khususnya Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi membantu menyedarkan masyarakat mengenai pentingnya hutan dan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Katanya, pembuat dasar sedia membantu bagi memastikan tiada kekangan bajet dalam memastikan apa yang diperlukan oleh JPSM dapat dilaksanakan oleh FRIM dan sebaliknya menerusi satu dana khas.

“Kurangnya penekanan bagi isu-isu fundamental oleh pemberi dana terhadap R&D, ada kalanya mengecewakan,” ujarnya.

Hutan kata beliau, perlu terus dipelihara, sedangkan terlalu sedikit diagihkan sebagai insentif dan inisiatif untuk pemeliharaan dan pemuliharaannya, sama ada menerusi kutipan cukai sewajarnya daripada industri yang memperoleh impak besar daripada sumber hutan asli.

Tekanan antarabangsa terhadap isu *chain of custody* dan *forest law enforcement and governance trade* memerlukan pengorbanan besar JPSM

dan FRIM sedangkan menfaat sebenar dari sumber hutan ini diperoleh oleh industri hiliran. Proses mendapatkan dana penyelidikan perhutanan pula melalui banyak proses dan panjang serta kerap kali dianggap kurang penting.

Kata beliau, walaupun sukar dan banyak mengorbankan masa dan tenaga, dan mungkin dianggap lekeh oleh sesetengah pihak, usaha tersebut tetap diteruskan selari dengan matlamat penubuhan FRIM. Ini kerana hutan sebagai khazanah negara perlu dipertahankan selamanya.

Kata beliau, peranan hutan adalah jelas sebagai penahan dan penadah dan tanpanya, kualiti air pastinya terjejas. Selain itu, ketiadaan pokok dan hutan, akan menyebabkan air mengalir laju dan mengakibatkan runtuhannya serta hakisan tanah dengan ketaranya.

Beliau berkata, *National Academy of Science of the United States Food and Nutrition Board* telah mencadangkan bahawa pengambilan air bagi orang dewasa adalah 2.5 liter atau kira-kira lapan gelas sehari.

Walau bagaimanapun, dalam gelombang haba ini, jumlah air yang diperlukan adalah tiga liter seorang sehari. Katanya lagi, sebatang pokok mampu menampung air yang diperlukan oleh empat individu sehari.

Bayangkan jumlahnya dalam sebulan dan setahun serta berapa ramai yang boleh mendapat faedahnya. Bayangan jika hutan makin terus berkurangan, kandungan air tanah juga kurang. Apakah akan berlaku kepada kehidupan kepelbagaian biologi negara?

Dimanakah kita yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus kehidupan dan kelestarian hutan.



DR. ABDUL LATIF MOHMOD